



PERBINCANGAN RAKYAT DEMI MELAYU

SIRI 11/2021

**TAJUK:
KEAGUNGAN TEKNOLOGI MELAYU: MAMPUKAH
KITA BANGKIT SEMULA?**

Panel:

**PROFESSOR DATUK WIRA DR HAJI MOHD JAMIL MUKMIN
USTAD MOHD NASIRUDDIN BIN MOHD SOBRI
UST HASANUDDIN YUSOF**

Ditranskrip Oleh:

NURUL SHANIMAH BINTI ABD RAHMAD

Disunting Oleh:

NUR NADZIRAH BINTI MOHD SAUF

Terbitan:

GABUNGAN DEMI MALAIU

PRDM Siri 11 – Keagungan Teknologi Melayu : Mampukah Kita Bangkit Semula?

Durasi:

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (00:20 – 02:34)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Malam ini kita akan membicarakan topik “Keagungan Teknologi Melayu: Mampukah Kita Bangkit Semula?”. Tanpa membuang masa, Perbincangan Rakyat Demi Melayu ingin memperkenalkan Professor Datuk Wira Dr Haji Mohd Jamil Mukmin yang merupakan Naib Pengerusi Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI), Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Melaka. Ustad Mohd Nasiruddin Bin Mohd Sobri yang merupakan Pengerusi bagi Pertubuhan Penyelidikan Manuskrip Melayu (PERDIMAN) dan seterusnya Ustaz Hassanuddin yang merupakan Pengarah Maktab Penyelidikan Tamadun Alam Melayu dan Islam. Sempena menuju beberapa hari lagi ke tarikh 31 Ogos iaitu hari perjuangan untuk negara dan tanah air ini, dari segi sejarah kadang kala ada generasi kita terlupa dan tertinggal sesuatu terutama dari segi aspek teknologi. Sedangkan, kalau lihat sejarah, teknologi yang ada di tanah Melayu ini cukup hebat tetapi bagaimana kebanggaan jati diri pada generasi hari ini?

Soalan: Tanpa membuang masa, soalan pertama akan ditujukan kepada Professor Datuk Wira Dr Haji Mohd Jamil tentang orang Melayu yang suatu ketika dahulu cukup terkenal sebagai pelayar dan mungkin Prof boleh kongsi tentang sejarah pelayaran, kelebihan orang Melayu membuat kapal dan dari segi teknologi bagaimana hebatnya orang Melayu membuat kapal. Silakan, Prof.

Prof Datuk Wira Dr Hj Mohd Jamil Mukmin (ahli panel) = 02:36 – 10:13

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dalam saya menyentuh soal perkapalan, saya akan merujuk kepada dua buah buku. Buku ini adalah salatusalatin buku Sejarah Melayu dan juga buku Hikayat Hang Tuah. Kalau dilihat pada zaman dahulu, khususnya pada zaman keagungan kerajaan-kerajaan Melayu iaitu sebelum kedatangan penjajah British dan Belanda bagi Malaysia. Kerajaan-kerajaan Melayu khususnya di negeri Melaka dan juga di negeri-negeri lain mempunyai kapal-kapal yang besar untuk berdagang, membawa utusan-utusan dan juga untuk berperang. Melaka merupakan pusat pelabuhan, perdagangan dan pusat penyebaran Islam di Asia Tenggara khususnya pada tahun 1262 hingga 1511. Melaka ini kedudukannya ialah di tengah-tengah Selat Melaka. Oleh itu, kapal-kapal yang belayar di selat akan berlabuh di negeri Melaka dan kebiasaannya Laksamana Hang Tuah yang akan menjaga keselamatan perairan Selat Melaka serta membawa pedagang-pedagang ke Pelabuhan Melaka. Oleh demikian, Melaka telah menjadi sebuah pelabuhan dan juga kerajaan yang besar serta kaya di dunia sebelah sini. Dulu banyak ahli-ahli perairan daripada Timur Tengah dan India yang nak berdagang ke negeri China begitu juga sebaliknya, pedagang China berdagang di India dan Timur Tengah melalui Selat Melaka mereka singgah di Pelabuhan Melaka. Orang Melayu memang begitu handal dalam membina kapal-kapal

besar seperti Benggali, DJong Jung dan sebagainya. Sehingga kini, teknologi perkapalan Melayu telah wujud dari abad ke 13, 14 dan 15 sehingga kini. Di Makassar iaitu di Sulawesi, Indonesia terdapat satu pusat pembuatan kapal yang digunakan oleh orang-orang Bugis. Dari Sulawesi inilah wujudnya orang-orang Bugis yang menjadi ahli perairan yang begitu hebat pada zaman dahulu. Mereka telah membina kapal di Sulawesi dan telah berlayar di kepulauan Melayu iaitu di Selat Melaka sehingga ke kepulauan Riau. Seorang pahlawan Bugis iaitu Raja Haji yang telah berlayar sehingga ke Riau dan membuka beberapa kerajaan di Riau. Mereka itu telah menggunakan kapal-kapal yang besar yang pastinya dapat mengharungi lautan di Kepulauan Melayu serta lautan negeri China. Jadi diteliti tentang kisah-kisah Hang Tuah, beliau telah pergi ke India, China, Jepun, Rukyo dengan menggunakan kapal-kapal yang besar. Antara kapal besar yang dimaksudkan ialah Mendam Berahi yang begitu hebat pada masa itu. Kapal-kapal itu telah membawa barang-barang dagangan, tentera-tentera ataupun askar-askar untuk menghadapi serangan-serangan lanun dan lain-lain lagi. Disebabkan itu mereka perlu menggunakan kapal yang lebih besar daripada kapal-kapal Barat. Jika pergi ke negeri Melaka, terdapat replika kapal proladerama yang telah dibina semula tetapi kapal Melayu lima kali ganda lebih besar lebih besar dari kapal-kapal Portugis. Jika kapal yang digunakan itu kecil, bagaimana mereka hendak berlayar daripada Melaka ke Filipina, Jepun sehingga ke negeri China bahkan sehingga sampai ke South Afrika, Cape Town dan Madagascar. Begitulah hebatnya ahli-ahli perairan Melayu pada zaman dahulu. Tidak kira Melayu yang dimaksudkan itu Melayu Malaysia atau Melayu Indonesia sekalipun. Secara ringkasnya orang-orang Melayu dan juga kerajaan-kerajaan Melayu pada masa dahulu memang mempunyai kepakaran serta kepandaian dari segi teknologi perkapalan. Untuk permulaan ini sahaja, terima kasih tuan moderator.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = 10:16 –11:05

Terima kasih diucapkan kepada Professor Datuk Wira Dr Haji Mohd Jamil. Soalan seterusnya ditujukan kepada Ustad Mohd Nasiruddin. Kalau kita lihat kepada geografi di Tanah Melayu, kita memang boleh tahu kita berada di Kawasan khatulistiwa dan di bumi kita ini ada banyak herba-herba yang cukup dahsyat kesannya kepada kesihatan manusia.

Soalan: Mungkin ustaz boleh kongsi sedikit adakah penggunaan herba-herba ini telah digunakan sejak zaman berzaman dan apa antara herba-herba popular yang pernah menyembuhkan penyakit kritikal atau serius kepada penduduk di Tanah Melayu ini?

Ust Muhammad Nasiruddin Bin Mohd Sobri (ahli panel) = 11:07 – 20:01

Bismillahirrahmannirrahiim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih diucapkan kepada moderator dan juga ahli panel sekalian. Topik pertama yang kita nak sebut di sini mengenai herba ataupun lebih umum lagi mengenai perubatan yang ada dalam alam Melayu pada suatu masa dulu. Kalau kita bercakap tentang herba ini memang tidak dapat dinafikan bahawa Tanah Melayu ataupun Tanah Nusantara ini antara kawasan yang paling banyak bilangan tumbuhannya. Antara yang kita kata kepelbagaian biodibasiti itu sangat tinggi. Itu memang suatu fakta yang tak dapat dinafikan cuma dari segi kehebatan herba, betulkah herba yang ada di alam Melayu ini hebat? Betulkah mujarab? Secara umumnya dari segi ini kita katakan bahawa setiap kawasan atau tempat, ada herba yang unik dan tersendiri.

Sepertimana di tempat lain ada herba yang bagus dan berkhasiat, begitu juga di alam Melayu. Kita juga ada herba yang berkhasiat tinggi dan jika kita bercakap mengenai herba yang terkenal dan popular, ada satu bahan ini memang sangat terkenal sehinggakan disebut di dalam Al-Quran. Yang ini memang betul-betul popular bukan sekadar popular dalam kalangan masyarakat dunia bahkan popular sampai di dalam Al-Quran disebutkan dan benda itu memang unik di alam Melayu. Herba yang dimaksudkan itu ialah kafur ataupun orang putih sebut camphor. Kafur atau camphor atau bahasa mudahnya kita panggil kapur barus. Kapur barus ini bukan sejenis kapur biasa yang terhasil daripada mineral. Kapur barus ini satu nama yang kita namakan pada sejenis damar. Ia sebenarnya bukan mineral, ia adalah sejenis damar ataupun getah yang jenis mengeras. Apabila mengeras ia akan jadi ketulan, ketulan itulah yang menjadi getah jenis damar. Ada banyak jenis damar dan salah satunya ialah kapur barus ataupun dalam Al-Quran disebut kafur. Jadi kalau kita tengok dalam surah Al-Insan, Allah sebut “إِنَّ الْأَبْرَارَ يَشْرَبُونَ مِنْ كَأْسٍ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا”. Allah sebut bahawa ahli syurga ini salah satu minuman yang diberikan kepada dia ialah minuman yang bercampur ataupun yang dicampurkan dengan kafur iaitu dengan kapur barus. Apa istimewanya kapur barus ini sehinggakan disebut dalam Al-Quran. Kalau kita tengok dari segi sejarah, kapur barus ini dia memang unik untuk alam Melayu dan memang ada satu tempat ataupun pelabuhan yang khusus dengan nama kafur ini di Indonesia sekitar Aceh. Kafur ini sudah dah terkenal sejak zaman dulu, orang Arab juga kenal dan tahu khasiat dia. Dari segi ilmu perubatan Melayu tradisional dan khasiatnya, herba Melayu ada empat sifat utama iaitu sifat panas, sejuk, basah dan kering. Setiap herba Melayu akan ada sifat-sifat ini dan kapur barus termasuk dalam kategori sejuk. Kapur barus agak sejuk dan ianya banyak digunakan untuk merawat penyakit jenis panas. Konsep keseimbangan herba dalam alam Melayu ini ialah dia bermain dengan perkara yang berlawanan. Maksudnya kalau penyakit tu jenis panas, kita akan gunakan herba yang jenis sejuk dan uniknya kapur barus ini ia bukan sekadar digunakan dalam perubatan Melayu yang bersifat fizikal ataupun natural. Ia turut digunakan juga dalam perawatan secara rohani ataupun spiritual. Kalau belajar ilmu-ilmu perawatan spiritual akan biasa bermain dengan wangian dan setiap wangian tersebut terdapat khasiat yang berbeza-beza. Jadi kapur barus mempunyai khasiat dan fungsi yang tersendiri. Begitu juga dengan gaharu, cendana dan macam-macam lagi jenis bahan-bahan ini termasuklah kemenyan. Semua ini ada khasiat yang berbeza. Mengenai bahan herba di alam Melayu antara yang penting dan terkenal sampai ke hari ini ialah tongkat ali. Tongkat ali kalau lihat pada sejarah dan sifatnya memang agak unik. Salah satu sebab kenapa orang namakan ia tongkat ali dan kenapa orang gunakannya untuk menambah serta menguatkan tenaga dalaman khususnya bagi orang lelaki adalah kerana sifatnya. Petua orang lama mengenai pokok tongkat ali kalau nak cabut perlu sekali korek dan terus cabut sahaja. Maksudnya tak boleh kacau dengan hanya korek dan tarik sikit kemudian biar dan tarik semula kemudiannya. Sebab pokok ini ia seakan mempunyai deria. Jika terus korek dan cabut sekali sahaja dia akan mencengkam lagi kuat dalam tanah. Itu antara yang banyak disebut dalam petua-petua orang Melayu. Maka, terbukti tongkat ali mempunyai banyak khasiat antaranya dari segi tenaga. Siapa yang pernah amalkan akan rasai khasiatnya. Mengamalkan apa sahaja herba tidak kira tongkat ali, kacip Fatimah atau apa pun herba perlu dengan disiplin ilmu. Disiplin ilmu maksudnya kalau perubatan moden hari ini ada ilmu perubatan yang perlu diikuti. Begitulah juga ilmu perubatan tradisional juga ada disiplinnya dan ini jarang dibincangkan. Sebenarnya

ada kaedah-kaedah perubatan di situ dan kalau dilihat pada asal usul herba, macam mana orang Melayu boleh kaji ataupun boleh dapat ilmu mengenai herba ini. Sebenarnya asal usul perubatan Melayu yang diamalkan oleh kebanyakan perawat tradisional pada hari ini adalah campuran pelbagai sumber. Maksudnya orang Melayu ataupun alam Melayu menerima banyak pengaruh daripada luar. Orang Melayu mempunyai asas ilmu yang tersendiri dan dalam masa yang sama mereka juga belajar daripada tamadun lain. Seperti yang kita tengok alam Melayu menerima lawatan ataupun ziarah daripada pedagang-pedagang begitu juga dengan kerajaan-kerajaan dari luar. Jadi semua tamadun yang singgah di alam Melayu sama ada di Aceh ataupun di Pelabuhan Melaka, semua membawa ilmu yang tersendiri dan yang paling banyak memberi kesan serta pengaruh kepada alam Melayu ialah perubatan daripada sistem orang Islam iaitu sistem Arab yang diamalkan oleh Ibnu Sina dan lain-lain. Sampai hari ini kita kaji kitab-kitab perubatan Melayu, kita boleh nampak ada kesan-kesan itu. Orang Melayu menggunakan ilmu sedia ada yang dikaji sejak zaman dahulu lagi kemudian digabungkan dengan tamadun-tamadun daripada luar maka terhasil satu disiplin yang sangat mantap dan kemas. Jadi, itulah serba sedikit mengenai asal usul herba dan juga kehebatan herba yang ada di alam Melayu. Wallahualam.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = 20:19 –21:09

Seterusnya soalan untuk Ustaz Hasanuddin tentang besi. Kita tengok sungai batu, sungai batu memang cukup popular dalam kalangan penggemar sejarah sebab di situ ada bukti wujudnya sistem pertukangan besi semasa Kerajaan Kedah Tua.

Soalan: Mungkin dari segi kajian atau sejarah, Ustaz boleh kongsi jika ada nama-nama yang terlibat membuka sistem pertukangan besi di Kedah Tua dan ada atau tidak kajian-kajian yang menunjukkan orang luar sampai sanggup datang meredah ke Tanah Melayu semata-mata untuk mendapatkan besi atau hasil yang ditempa oleh orang-orang kita. Silakan, Ustaz.

Ust Hasanuddin Yusof (ahli panel) = 21:10 – 35:54

Bismillahirrahmannirrahiim. Soalan daripada tuan moderator, siapa yang mula membuat lombong besi? Siapakah yang mula meneroka industri-industri besi di Kedah ini? Dan, ada atau tidak orang luar yang hendak membeli besi daripada Kedah ini? Yang pertamanya kita tengok banyak dakwaan bahawa orang-orang daripada Semenanjung Tanah Melayu ini adalah orang-orang daripada luar. Ada yang mengatakan masyarakat yang menghuni di Semenanjung ini berasal daripada Yunan dan ada juga dari tempat-tempat lain. Mengikut daripada pengkajian pakar-pakar arkeologi antaranya Almarhum Doktor Haji Tahar, Nik Hassan Suhaimi guru saya Prof Zuliskandar, juga Professor Wan Hashim Wan Teh memang sudah lama terdapat penduduk di Semenanjung Tanah Melayu ini selewat-lewatnya zaman plotation, maknanya antara 30 ribu ke 35 ribu tahun dulu sudah ada orang yang menghuni di Semenanjung Tanah Melayu ini. Ini dapat dibuktikan daripada penemuan arkeologi antaranya di Kota Pantai itu membuktikan umur masyarakat penduduk di sini 30 ke 35 ribu tahun. Kalau kita nak katakan orang di Kedah ini daripada luar seperti teori migrasi daripada Yunan dan sebagainya memang salah. Kemudiannya yang membuka Kedah ini sememangnya orang tempatan. Lihat percatatan Stephen Oppenheimer dalam Eden in the East. Beliau menyatakan

orang Melayu di Semenanjung yang mengajar kepada bangsa-bangsa lain seperti India, China, Jepun dan Thai tentang penanam padi. Bermakna penanaman padi ini bermula di Semenanjung Tanah Melayu dan keberadaan asal penduduk tanah Melayu sudah berpuluh ribu tahun dan masyarakat di sini bukannya penghijrah. Merujuk Professor Mokhtar Saidin, industri besi di Kedah Tua itu selewat-lewatnya pada 500 tahun sebelum masihi sebelum kelahiran Nabi Isa. Walau bagaimanapun, percatatan tentang Kedah paling awal antaranya pada syair Tamil iaitu tajuk syairnya Pattinappalai. Syair ini menerangkan tentang Kedah Tua. Orang Tamil menyebut Kedah dengan dua sebutan iaitu yang pertama “kalagam” dan yang kedua “kadaram”. Kalau Sankrit, ia menyebut sebagai “Kataha”. Kalau orang China, mereka mencatat tentang Kedah sebagai “Cheh-Cha”. Kalau orang Arab, dia sebut Kedah sebagai “Kalah”, lepas itu ada juga yang sebut sebagai “Qalha”. Dalam syair Pattinappalai itu, ada disebut bahawa kerajaan Kedah Tua sangat kaya. Dimana sehinggakan kekayaan perdagangan ini dijadikan permata, emas, mutiara dilonggok sahaja di tepi jalan. Itu antara catatan awal tentang Kedah Tua maknanya seawal abad ke 2 Masihi kerajaan Kedah Tua telah wujud. Bila sebut tentang industri besi pula, memang Kedah Tua sangat kaya dengan lombong. Ini boleh dilihat dalam kumpul percatatan Arab. Banyak percatatan Arab tentang Kedah Tua antaranya percatatan daripada Al-Mas’udi. Al-Mas’udi menulis dalam kitabnya Muruj az-Zahad wa Ma’adin Al-Jauhar, antara Pahang dan Kedah maknanya ditengah-tengah Semenanjung memang banyak lombong antaranya lombong timah dan juga lombong perak. Kemudiannya antara percatatan Arab, Muhammad Al-Idrisi juga telah menulis tentang kekayaan Alam Melayu ini dengan lombong begitu juga dengan Abu Dullaf al Muhalhil. Abu Dullaf al Muhalhil telah menulis tentang penempaan besi, penempaan pedang di Kedah Tua ini yang dinamakan sebagai pedang “Qala’iah” ataupun pedang “Qala’I” dan memanglah orang-orang daripada Arab mereka dulu memang mendapatkan pedang daripada Kedah Tua. Antara produk yang terkenal di Kedah ialah produk-produk besi ataupun pedang. Disebut oleh pencatat Arab antaranya Abu Dullaf al Muhalhil bahawa pedang “Qala’I” dikeluarkan oleh Kedah Tua sangat diminati oleh orang Arab. Beliau mengatakan pedang yang terkenal dengan nama “Qala’iah ini diasaskan serta dihasilkan di Kedah Tua dan ia adalah pedang “Al-Hind” yang unggul. Beliau mengatakan lagi bahawa Pedang “Qala’I” ini sangat bermutu sehingga digemari oleh orang-orang Arab dan pencatat-pencatat Arab yang lain contoh seperti Al-Biruni. Al-Biruni menyebut bahawa Kedah banyak terjadi kilat yang membelah bumi sehinggakan aliran-aliran kilat tersebut masuk ke celah-celah tanah sehingga melahirkan besi yang sangat banyak di Kalah, Kedah Tua. Al-Jahiz juga ada menyebut bahawa orang Kedah menghasilkan pedang yang namanya pedang “Qala’I” dan mereka ini bukan sahaja handal bermain pedang malah mereka menghasilkan pedang “Qala’iah” oleh golongan mereka yang pandai menempa besi. Kalau kita nak tahu siapa yang mulakan memang susah tetapi memang antara produk yang terkenal di Semenanjung ini dulu adalah pedang “Qala’I” yang dihasilkan di Kedah Tua. Sehingga hari ini kita boleh tengok banyak lagi kesan-kesan yang ada seperti tempat-tempat yang membuat pedang daripada tanah itu dipanggil Relau. Relau memang masih banyak lagi ada di Sungai Batu dan Jeniang. Al-Khindi ada menyebut bagaimana pembuatan besi pedang “Qala’I” di Kedah Tua, ia hasil cantuman banyak jenis besi. Antara besi Narmarhan dan Syaburqon. Maknanya kepakaran orang Melayu ini sehingga pada tahap pakar mencantum-cantumkan jenis besi. Sehingga kini, kalau kita tengok kepakaran Kedah Tua itu sumbangannya melahirkan pakar

besi sehinggakan lahirnya ‘pandai besi’. Tengok pada nama pandai ‘besi’ itu, itu nama asli Melayu, ‘pandai’ itu nama asli Melayu. Dia bukan Bahasa Sanskrit bukan Bahasa Arab. Dia perkataan asli Melayu bermakna profesion ataupun pekerjaan pandai besi ini dah lama juga ada sebelum kemasukan orang-orang India yang bawa agama Hindu-Buddha yang membawa Bahasa Sanskrit. Sebelum Bahasa Sanskrit meresap ke Bahasa Melayu, orang-orang Melayu telah ada jawatan pekerjaan pandai besi sehinggakan ia membuktikan bahawa orang Melayu ini memang pakar dalam membuat besi yang diakui oleh Al-Khindi dan Muhammad Al-Idrisi. Kedua-duanya menyebut bahawa alam Melayu banyak bengkel-bengkel besi yang menghasilkan pedang dan memang pakar membuat pedang. Orang Melayu mempunyai teknik-teknik tersendiri dalam menghasilkan pedang yang menjadi antara pedang terbaik di dunia pada ketika itu. Melihat pada teknologi membuat keris pasti kita tahu betapa hebatnya orang Melayu. Dalam membuat keris mereka bukan sahaja mencampur dengan besi, malah mereka turut mencampurkan tulang mawas. Ini banyak saya jumpa dalam beberapa manuskrip yang menerangkan tentang perbuatan keris dicampurkan dengan tulang mawas dan orang Melayu ini juga pandai dalam mengklasifikasikan jenis-jenis besi. Antara jenis-jenisnya ialah besi khursani, besi manik, besi kanten, besi balitung, besi mentah, besi kelemen, besi dekuh, besi merangkang, besi tumpang, besi berani, besi rana dan banyak lagi. Terdapat formula kalau dicampurkan besi itu dan besi ini besi apa yang akan terhasil. Al-Khindi menulis bahawa beliau telah membandingkan antara pedang “Qala’I” dengan pedang “Yeman” dan beliau menyatakan bahawa dalam penulisannya, pedang “Qala’I” ini terkandung logam yang lebih halus. Pedang “Qala’iah” ini dia lebih halus kandungannya daripada pedang “Yeman”. Ini bolehlah dirujuk pencatatannya daripada Al-Khindi dalam kitabnya iaitu Risalah Al-Khindi Al-fi Amalasulu.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = 35:55 –38:09

Terima kasih diucapkan kepada Ustaz Hasanuddin, bila dengar nama-nama besi yang disebut itu agak terkejut bagi saya kerana ini tiada dalam buku teks sejarah. Walau dalam Pendidikan Nasional pun tidak ada diceritakan nama-nama besi ini dan bagi saya penting untuk orang hari ini tahu tentang sejarah ini. Seterusnya untuk soalan pusingan kedua kepada Professor Datuk Wira Dr Haji Mohd Jamil tentang mendam berahi yang disebut pada awal tadi dimana dikatakan replika yang ada di Melaka itu kecil, sedangkan mendam berahi 5 kali ganda lebih besar daripada replika itu. Jadi Prof, adakah bangkai kapal mendam berahi itu masih wujud atau sudah rosak atau mendam berahi itu sudah beralih tangan?

Soalan: Mungkin Prof boleh ulaskan juga bagaimana pandangan Prof terhadap generasi hari ini yang boleh dikatakan tidak ramai meneruskan tradisi pertukangan kapal ini sendiri sedangkan kalau kita dengar cerita, orang-orang dari luar pun masih sanggup beli kapal-kapal yang dibuat di Pulau Duyung di Terengganu. Silakan Prof.

Prof Datuk Wira Dr Hj Mohd Jamil Mukmin (ahli panel) = 38:20 – 47:17

Mendam berahi ini ada disebut di dalam buku karya agung Hikayat Hang Tuah. Kapal mendam berahi begitu besar dan ia 5 kali ganda besarnya daripada replika kapal Portugis Flor de la Mar yang dipamerkan di Muzium Melaka pada hari ini. Kapal mendam berahi ini

sebuah kapal yang besar yang telah dibina di negeri Melaka oleh tukang-tukang kapal daripada Makassar dan Bugis kerana di sana adalah tempat pembinaan kapal yang besar sehinggalah ke hari ini. Jadi kapal mendam berahi dibina di negeri Melaka iaitu di sebuah tempat yang terkenal iaitu di Limbongan oleh tukang-tukang daripada Melaka dan Bugis kerana memang banyak ahli-ahli pelayaran dan pedagang-pedagang daripada Bugis berada di negeri Melaka pada ketika itu. Kapal mendam berahi telah digunakan oleh Laksamana Hang Tuah dalam perkahwinan diantara Sultan Mahmud Syah dengan Raden Emas Ayu iaitu Puteri Majapahit. Kapal ini juga telah digunakan oleh Hang Tuah untuk belayar ke India sebagai utusan. Hang Tuah bukan saja sebagai laksamana ataupun pengawal peribadi kepada Sultan serta mengawal Selat Melaka, tetapi Hang Tuah juga sebagai utusan, pedagang dan juga ahli pelayaran ke India. Di India terdapat batu-batu dan tembok-tembok yang diukir gambar Laksamana Hang Tuah. Selepas itu, Hang Tuah pergi ke negeri China juga menggunakan kapal mendam berahi. Hang Tuah akan sentiasa bersama Hang Kasturi serta tentera-tentera dan askar-askar kerana di dalam perairan ada lanun-lanun yang akan menyerang kapal Hang Tuah tersebut. Jadi tentera-tentera Hang Tuah inilah yang biasanya melawan dan mengalahkan lanun-lanun. Jadi Hang Tuah sampai ke negeri China dan telah berjaya menghadap Maharaja China. Maharaja China tersebut begitu hormat dengan Hang Tuah kerana mereka tahu bahawa Hang Tuah datang daripada sebuah empayar Melaka yang begitu hebat serta dikagumi oleh pedagang-pedagang negeri China pada masa itu. Setelah itu, Hang Tuah dengan menggunakan mendam berahi pergi ke negeri Jepun, iaitu ke Rokyū. Profesor-profesor daripada Universiti Kebangsaan Malaysia UKM, UM telah membuat research mengenai kapal ini dan ia memang wujud. Kapal mendam berahi memang wujud dan ia telah digunakan Hang Tuah ke negeri Jepun untuk berdagang dan sebagai utusan daripada Sultan Melaka khususnya pada zaman Sultan Mansor Shah. Melaka ada beberapa Sultan yang begitu hebat pada masa itu antaranya Sultan Muzaffar Shah, Sultan Allauddin Riwayat Shah, Sultan Mansor Shah dan Sultan Mahmud Shah. Jadi Hang Tuah telah berkhidmat kepada sultan-sultan tersebut terutamanya Sultan Muzaffar Shah, Sultan Allauddin Riwayat Shah dan juga Sultan Mansor Shah. Hang Tuah telah menggunakan kapal mendam berahi ini untuk ke negeri Jepun, China, India. Malah Sultan Mansor Shah utuskan Hang Tuah sehingga ke Eden East, Timur Tengah. Hang Tuah turut sampai ke Jeddah, Mekah dan Madinah. Beliau menunaikan fardhu Haji di Mekah dan ziarah ke Madinah. Selepas itu Hang Tuah telah pergi ke Rome, Itali namun ada yang kata ke Istanbul juga iaitu Kerajaan Uthmaniyah.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = 47:17 –47:32

Prof, ada soalan daripada pembaca kita Said Bajeral “kenapa di namakan Mendam Berahi?

Soalan: Apakah ada kaitan dengan kata-kata Laksamana Hang Tuah takkan melayu hilang di dunia?”. Mungkin ulasan daripada Prof.

Prof Datuk Wira Dr Hj Mohd Jamil Mukmin (ahli panel) = 47:32 – 50:55

Mendam Berahi ada kaitnya dengan perasaan cinta dan juga berahi. Kerana pada mulanya kapal ini digunakan Sultan Mansor Shah untuk meminang Puteri Majapahit. Mendam Berahi adalah perasaan cinta Sultan Mansor Shah kepada Raden Emas Ayu ketika itu. Mendam

berahi juga telah digunakan satu kapal untuk berperang. Kalau diikutkan ceritanya Hang Tuah ini sebenarnya telah hidup sampai zaman Portugis pada tahun 1509. Portugis datang ke Melaka awalnya pada 1509, yang keduanya ialah pada 1511. Pada 1509 itulah Hang Tuah telah menyerang kapal Portugis dengan menggunakan mendam berahi dan daripada kapal mendam berahi ini lah Hang Tuah telah menaikkan semangat pahlawan dan hulubalangnyanya dengan meneriakkan slogan “Takkan Melayu Hilang Di Dunia” apabila dilanggar oleh Portugis. Perkataan takkan melayu hilang di dunia ini telahpun ditulis dalam buku Hikayat Hang Tuah dan turut ditulis di makam Hang Tuah di Tanjong Keling mengikut kajian-kajian yang telah dibuat oleh persatuan-persatuan sejarah di cawangan Melaka. Makam Hang Tuah iaitu di Tanjong Keling dan disitulah ditulis “Takkan Melayu Hilang Di Dunia” yang menjadi slogan Hang Tuah apabila beliau menyerang musuh-musuh.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = 50:55 – 52:02

Terima kasih diucapkan kepada Prof. Seterusnya kepada Ustad Mohd Nasiruddin, tadi kita dah dengar cerita tentang mendam berahi. Maknanya kapal itu dibuat atas dasar cinta dan akhirnya digunakan untuk peperangan dan di atas kapal itu jugalah Laksamana Hang Tuah telah melaungkan kata-kata “Takkan melayu hilang di dunia”. Untuk ustaz Nasiruddin, antara yang berkait dengan Hang Tuah juga di mana pernah ada sejarah yang menceritakan ketika Hang Tuah ini bertarung dengan Hang Jebat di istana, Hang Tuah berjaya menikam Hang Jebat dan kita tahu bisa keris boleh bertahan dalam 24 jam sahaja. Lebih 24 jam kalau tidak diubati, orang itu akan meninggal dan dikatakan Hang Jebat mengambil kain cindai yang ada di istana dan balut diperut sehingga boleh bertahan selama 3 hari.

Soalan: Apakah benar kain cindai ini dibuat daripada serat-serat herba dan sampai orang katakan begitu dahsyat kesan dia? Mungkin ustaz boleh kongsi?

Ust Muhammad Nasiruddin Bin Mohd Sobri (ahli panel) = 52:06 – 1:02:24

Bismillahirrahmanirrahim. Mengenai cindai atau kain cindai, bagi yang tidak kenal mereka mungkin anggap ianya kain biasa saja tetapi bagi yang kenal sejarah dan asal usulnya dia takkan dengar banyak kisah mengenai kain cindai ini. Paling masyhur berkisar kaitan kain cindai dengan perlawanan ataupun pergaduhan antara Hang Tuah dan Hang Jebat. Dari sudut sejarah, banyak perbincangannya cuma yang hendak dilihat adalah dari sudut perubatan Melayu itu sendiri. Macam mana kain cindai itu dikatakan sangat hebat sampai boleh menahan bisa keris ataupun ada yang kata ia ada khasiat-khasiatnya. Kita akan fokus dulu pada kisah Hang Jebat dan Hang Tuah ini. Seperti kita sedia maklum, keris Melayu ini seperti mana-mana senjata Melayu yang jenis macam pisau, tombak dan sebagainya biasanya memang akan dimasukkan bisa. Bisa tersebut bukanlah benda yang pelik ataupun mistik, ianya adalah chemical (kimia). Lebih sesuai kita sebut sebagai racun jika dalam proses pembuatan keris. Ia akan ditabur atau dicampurkan bahan-bahan racun atau kimia ke dalam besi atau pun logam yang digunakan untuk membuat keris tersebut. Antara yang biasa dimasukkan dalam keris ini ialah arsenik. Racun arsenik dimasukkan atau ditaburkan dalam keris melalui liang-liang yang ada seperti besi damaskus contohnya. Di situ macam-macam bahan boleh diselitkan. Jika kita kaitkan dengan kisah Hang Tuah dan Hang Jebat, apabila

Hang Jebat terkena keris Hang Tuah itu maka jika ikut adat Melayunya, Hang Jebat hanya akan bertahan untuk tempoh yang pendek sahaja walaupun terkena sedikit tapi kesan bisa itu sangat kuat. Jadi, macam mana kain cindai itu dia boleh berperanan sebagai ubat ataupun penawar ataupun penahan sakit yang berlaku pada Hang Jebat itu. Tengok dari segi asal usul sejarah pembuatan kain cindai itu dikatakan berasal daripada kawasan di sekitar India ataupun kawasan Gujarat. Jadi asalnya dari tamadun sekitar India ataupun Benua Hindi. Cumanya dari segi asalnya itu daripada kain sutera dan alam Melayu berpegang dengan ajaran Islam, maka orang Melayu lelaki faham tak boleh pakai sutera. Maka kain cindai biasanya dibuat daripada bahan yang bukan sutera, contohnya macam kita panggil fiber ataupun serat nenas ataupun ada juga mungkin pakai yang kuat juga iaitu serat pisang, serat batang pisang yang mana kalau kita biasa dalam industri pembuatan tali, dia antara yang kuat. Jadi, kalau kita tengok dari segi asal usul bahan untuk pembuatan cindai itu tidak kesahlah sama ada pakai nenas atau pisang atau mana-mana pokok tumbuhan sekalipun di situ ada unsur serat ataupun fiber. Fiber atau serat ini biasanya dari segi perubatan Melayu ia dianggap sebagai satu bahan bersifat kering. Seperti yang telah disebut tadi dia ada 4 sifat, panas, sejuk, basah dan kering. Jadi benda yang bersifat fiber ini tambah-tambah yang dah diproses, dijemur dan sebagainya semua bersifat kering. Bila bahan yang bersifat kering ini dianyam serta ditenun dengan teliti dan rapat, dibuat agak tebal maka sifat kering bahan ataupun kain cindai yang terhasil itu adalah sangat tinggi. Jadi apa peranan konsep kering ini dalam perubatan? Kalau kita tengok dari segi penggunaan konsep kering ini, benda yang kering biasanya dalam perubatan tradisional ataupun buatan Melayu dia akan digunakan untuk menyerap bahan bagi menarik bahan. Mungkin pernah dengar batu geliga atau teras kayu yang mana dikatakan kalau dibakar ia tidak terbakar dan ia boleh menyerap bisa dan sebagainya. Konsep dasar sifat kering itu adalah menarik benda. Dalam sains moden hari ini iaitu dalam ilmu kimia kita panggil “concentration gradient” dimana kepadatan ataupun kepaduan dua bahan itu berbeza, jadi akan bergerak ke satu bahan yang lebih kering ataupun kurang bahan itu. Jadi benda kering ini sifatnya menarik benda supaya dia ada sesuatu. Jadi dalam kes luka ataupun cedera yang pertama kering itu sendiri dia akan menyerap darah, itu yang paling jelas. Bila menyerap darah maksudnya sekali dengan bahan yang ada dalam darah itu. Jadi kalau kata dia terluka dengan sebab keris dan bisa keris itu kena pada darah, isi dan daging yang ada pada Hang Jebat itu maka sifat kering yang ada pada kain cindai itu akan menyerap darah dan juga bahan-bahan bisa yang ada di sekitar luka tersebut. Kemudian sifat kering itu juga dia menahan daripada berlaku pendarahan, jadi kalau macam keris ini kita boleh jadi mati sebab dua perkara. Yang pertama sebab bisa dan racun itu sendiri. Yang kedua kerana pendarahan. Dalam setengah kes mungkin dia boleh menghentikan pendarahan tetapi bisa tidak dikeluarkan. Maka boleh juga mati walaupun darah dihentikan sebab bisa itu masih kekal dan merebak ke dalam tubuh. Jadi kita nampak bahawa dari sudut asas sains moden ada kaitan dan juga pada sudut ilmu perubatan Melayu tradisional juga ada kaitan. Jadi, kepadatan dan kekeringan dia menyerap dan menyedut bahan-bahan itu cuma dikatakan setelah beberapa hari kain itu dibuka oleh Hang Tuah dan sebagainya. Maksudnya bila kain itu dibuka bererti sama ada bisa itu belum habis dibuang jadi tidak sempat menyerap kesemua bisa. Hang Jebat pun meninggal dengan sebab itu. Jadi kita sebenarnya boleh kaitkan benda itu cuma kita nak sahkan secara 100% itu perlu pada kajian. Mungkin saintis atau pun ilmuan hari ini boleh jadikannya sebagai satu topik kajian. Cari kain cindai yang berkualiti

tinggi kemudian tengok macam mana sifat dan fungsinya apabila berlaku luka. Satu benda penting juga yang kita perlu faham dalam kes luka dan cindai ini ialah kain cindai itu dibuat daripada herba ataupun tumbuhan. Selain daripada sifat kering yang kita dah sebut tadi, boleh jadi herba yang dipilih dalam membuat cindai itu sebenarnya dia ada khasiat maksudnya selain dia sebagai fiber boleh jadi dia ada kimia-kimia ubatan didalamnya yang dipanggil bahan aktif ataupun faktor chemical. Jadi, bahan-bahan aktif itu boleh jadi bertindak melawan kuman, memperlambatkan pergerakan darah ataupun matikan aliran darah. Faktor bahan-bahan itu sendiri boleh jadi dia ada sifat antibiotik ataupun antiseptik. Herba ini kalau kita kaji banyak yang ada sifat antiseptik dan antibiotik. Tak mustahil selain ia menyerap luka dan bisa ia juga ada fungsi melawan kuman. Jadi itu semua melambatkan kematian Hang Jebat. Maksudnya ia membantu ke arah kesembuhan tapi ditakdirkan kesembuhan belum sempat sempurna maka tidak dapat dielakkan daripada kesakitan yang ada.. Itu yang dapat dikongsikan serba sedikit mengenai kain cindai, mungkin ada lagi kajian lain yang boleh diteruskan lagi, in shaa Allah.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = 1:02:25 – 1:03:34

Baik, terima kasih ustaz. Bila kita dengar tentang kain cindai, kita amat terkejut tak sangka orang Melayu boleh hasilkan satu kain daripada serat-serat herba dan khasiatnya cukup unik dan rupanya di tanah Melayu sendiri ada herba yang bersifat kering, basah, panas, sejuk dan kalau kita ada ilmu yang lebih ia boleh mengubati diri kita sendiri tanpa mengharap orang lain dalam waktu-waktu kecemasan. Baik, seterusnya beralih kepada Ustaz Hasanuddin.

Soalan: Terdapat kisah mengatakan bahawa pedang yang digunakan oleh pejuang Islam iaitu Salahuddin Al-Ayyubi itu dikatakan ditempa khas dari tanah Melayu. Sejauh mana kebenarannya dan selain daripada orang-orang kita tadi mahir mencampurkan besi, apa lagi kehebatan orang Melayu yang generasi hari ini tidak tahu dan sepatutnya diangkat semula agar ia jadi satu warisan yang boleh diteruskan sampai akhir zaman. Silakan ustaz.

Ust Hasanuddin Yusof (ahli panel) = 1:03:49 –1:19:32

Bismillahirrahmannirrahiim, sebelum membicarakan sama ada pedang Salahuddin Al-Ayyubi ditempa di Kedah Tua. Pertamanya kita perlu lihat dulu adakah hubungan antara Salahuddin Al-Ayyubi iaitu kerajaan Ayyubiyah yang berpusat di Mesir sehingga Syria. Ada atau tidak hubungan dengan Kedah Tua. Pada zaman itu, Salahuddin Al-Ayyubi dalam usaha untuk menakluki dan mengambil semula Baitulmuqaddis daripada tentera Salib, beliau sangat memerlukan kekuatan ekonomi dan pada zaman itu perdagangan yang paling berharga adalah rempah. Kedah Tua pada zaman itu menjadi pelabuhan utama rempah di dunia ialah di Timur Jawa. Pada zaman Salahuddin Al-Ayyubi itu ada sebuah pertubuhan perdagangan rempah namanya Al-Karimi. Al-Karimi berpusat di Mesir iaitu di Kaherah, Iskandariah dan beberapa pusat di Yaman. Pertubuhan Al-Karimi pada zaman Salahuddin Al-Ayyubi ini menguasai perdagangan rempah di dunia dan Al-Karimi sangat berjasa pada zaman Salahuddin Al-Ayyubi dari segi kekuatan ekonomi Salahuddin Al-Ayyubi. Al-Karimi menyumbang dari segi dananya dan ia juga yang menyumbang dari segi cukai serta membekalkan stok rempah kepada Kerajaan Salahuddin Al-Ayyubi. Al-Karimi diberi akses yang sangat besar di Kedah

Tua dan hubungan antara Al-Karimi dengan pemerintah Kerajaan Kedah Tua sangat erat atas sebab penguasaannya dalam pedagang rempah itu. Al-Karimi mengambil rempah di Pelabuhan Kedah Tua dan membawa serta memperdagangkan rempah ke Timur Tengah. Hasil daripada dagangan tersebut, dananya dibuat untuk membantu Salahuddin Al-Ayyubi. Di sini dilihat jelas sumbangan tidak langsung Kedah Tua kepada perjuangan Salahuddin Al-Ayyubi dimana kekuatan ekonomi Salahuddin Al-Ayyubi itu telah sedikit sebanyak berpunca daripada kemakmuran ekonomi, pelabuhan dan perdagangan rempah melalui pertubuhan perdagangan Al-Karimi dengan jalinan hubungan secara tidak langsung. Adakah Salahuddin Al-Ayyubi ini pedangnya daripada Kedah Tua? Kalau yang kita pernah tengok di internet boleh taip Salahuddin Al-Ayyubi. Sekarang pedangnya ada di Mesir dan beberapa orang Arab membuat kajian tentang teknologi nano yang terdapat dalam pedang Salahuddin ini memang hebat. Walaubagaimanapun pedang itu dinilai daripada jenis-jenis pedang dinasti Al-battar maknanya pedang itu dari jenis dinasti bukan pedang Qal'I atau Qal'iyah. Walaubagaimanapun tidak mustahil Salahuddin Al-Ayyubi mempunyai pedang-pedang jenis lain sama ada pedang Al-Yamani termasuk juga pedang Al-Qal'I maknanya pedang daripada Kedah Tua. Kerana mengikut daripada percatatan banyaklah Al-Khindi, Abu Dullaf al Muhalhil termasuk juga catatan daripada Al-Biruni. Al-Biruni dia menulis dalam sebagai contoh salah seorang penulis arab, Al-Biruni ini dia menulis dalam kitab yang bernama Al-Jamahir Fi Ma'rifat Al-Jawahir, beliau menyebut sesungguhnya mereka maknanya orang-orang Arab dia telah mengimport daripada Kalah, kalah ini memang Kedah Tua lah, daripada Kalah pedang yang dinamakan sebagai Qal'i. Begitu juga daripada catatan Abu Dullaf al Muhalhil dalam risalatulula, Kalah ini Kedah Tua ini adalah tempat menghasilkan pedang Qal'I ataupun pedang Al-Qal'iyah dan pedang ini memang sangat disukai oleh orang-orang Arab dan orang-orang Parsi. Dan, Al-Biruni sebut bahawa pedang Al-Qal'I ini dia banyak disebut dalam syair orang Arab, maknanya orang Arab punya kagum dengan pedang Qal'I ini sehingga mereka mengarang dalam syair Arab menggambarkan begitu dia mengagumi pedang Kedah Tua iaitu npedang Qal'I. Antara yang disebut dalam syair mereka tentang keunggulan pedang Qal'I ini ialah pedang yang paling bahaya yang dihasilkan di dunia pada zaman itu. Mungkin sebab ketajaman dan sebagainya. Penulisan Al-Biruni memang selari dengan penulisan-penulisan Arab lain seperti Al-Khindi, Abu Dullaf al Muhalhil atau pun Muhammad Al-Idrisi juga menulis bahawa orang-orang Arab memang sangat pedang Qal'i daripada Kedah Tua. Al-Khindi menyebut dalam dunia pada zaman itu ada 3 sahaja pedang yang hebat yang unggul. Yang pertama, pedang Al-Khind ataupun pedang India, yang kedua adalah pedang Al-Yamani pedang Yaman, yang ketiga adalah pedang Al-Qal'I pedang Kedah Tua. Kalau dari segi turutannya, Al-Khindi menyebut pedang Qal'i yang pertama, dia bagitahu tidak ada pedang yang unggul dalam dunia di zaman itu melainkan yang pertama pedang Qal'I pedang Kedah Tua, yang kedua pedang Yamani pedang Yaman dan yang ketiga pedang Al-Khind pedang daripada wilayah Khind, India. Walaupun alam Melayu ini termasuk dalam Khind, tetapi Al-Qal'I memang khusus pedang buatan Kedah Tua. Al-Khindi mengelarkan pedang-pedang ini orang Arab dulu menamakan sebagai Al-Fakarun. Maknanya tiga pedang yang unggul tersebut mereka namakan sebagai Al-Fakarun. Maknanya bila orang Arab sangat suka dengan pedang Qal'I dan dianggap pedang yang unggul dan mereka gunakan dalam perang-perang, maka tidak mustahillah Salahuddin Al-Ayyubi juga ada menggunakan pedang Al-Qal'I. Tambahan pula, Kedah Tua

punca kepada kemewahan ekonomi negara Islam dari segi perdagangan rempahnya. Teknologi lain di alam Melayu memang banyak. Kalau teknologi besi ini termasuklah membuat senjata. Sebab itu senjata besi Melayu banyak, ada keris, kerambit, pedang, sulah, kelewang, beladai, rencong dan banyak lagi. Setiap senjata tersebut ada falsafahnya dan semua itu ada cara pembuatan dan teknik-tekniknya. Sebelum ini saya ada sebut bahawa penulis Arab mengakui bahawa orang Melayu iaitu orang Kedah mereka menghasilkan pedang Qal'i pedang Kedah Tua dengan mencampurkan besi-besi. Perkajian daripada pengkaji-pengkaji yang mengkhususkan tentang senjata sehinggakan sekarang ini pembuatan keris atau pun senjata Melayu mereka selalunya mencampur-campurkan jenis-jenis besi yang banyak seperti saya sebutkan awal tadi. Bukan saja penulis-penulis Arab malah penulis Sepanyol salah seorangnya bernama Al-Gimse Solah, beliau menulis keris Melayu adalah senjata yang paling hebat. Keris adalah senjata yang paling hebat di Timor, di bahagian Timor ini kalau ikut seorang penulis Sepanyol pada awal abad ke 17 pada 1605. Sekitar itulah seorang pengkaji Sepanyol yang namanya Al-Gimse Solah dia menulis keris senjata yang paling hebat yang paling unggul di Timor. Maknanya kalau orang mengkaji tentang keris ini sama ada orang Sepanyol ataupun orang Arab memang keris ini antara senjata yang hebat membuktikan kepakaran orang Melayu dalam ilmu besi. Orang Arab pun tulis bahawa orang kedah dulu memang pakar membuat pedang termasuk penulis-penulis Arab lah, Abu Dullaf al Muhalhil, Al-Khindi, Al-Biruni, Muhammad Al-Idrisi mereka ini menulis bahawa orang-orang melayu ini hebat membuat memang mahir dan pakar membuat pedang. Orang Sepanyol pula menulis bahawa keris senjata yang paling hebat dan ada perkajian menulis bahawa keris ini adalah senjata yang paling ampuh. Paling unik dan paling ampuh sebab dia kecil dan ringan tetapi dia sangat ampuh dan keras. Sehinggakan kalau keris, keris kuno jawa tajamnya boleh menembusi perisai. Selain daripada kehebatan cara membuat campur pula dengan tulang mawas dan sebagainya. Dia juga dibuat dalam bentuk yang unik ada lok, sampir, ekor cicak dan macam-macam lagi komponen dalam keris itu dan semua komponen itu ada fungsi-fungsinya. Reka bentuknya juga turut membuktikan kepakaran orang Melayu disamping fungsi-fungsinya. Seperti lok, seperti semua orang tahu cara menikamnya bila tusuk ke rangka dipusing dan dilok, ia boleh dikunci dan tidak boleh dibuka antara tulang rusuk manusia. Betapa hebatnya teknologi Melayu ini, saya sendiri mengkaji dan membuat PHD mengenai meriam Melayu. Teknologi orang Melayu dalam membuat meriam memang hebat termasuk juga benda-benda yang lain seperti perkapalan. Perkapalan juga membuktikan kehebatan orang Melayu dalam teknologi, bagaimana orang Melayu boleh belayar melawan arah angin dengan teknik menyusun layar sehingga mereka boleh belayar dengan menggunakan teknik zigzag melawan arah angin. Ini menunjukkan kepakaran orang Melayu disamping lebih 300 jenis perahu di alam Melayu. Ada jong, biduk, kolek, bedar, pinisi, pajenekang dan bermacam jenis lagi. Kubu-kubu perang juga membuktikan kepakaran orang Melayu dalam teknologi. Dari aspek pakainya seperti cindai, sampir. Sampir selain daripada kehormatan ia juga boleh digunakan sebagai mempertahankan diri. Dari segi tengkolok, tanjak, baju Melayu juga boleh membuktikan kepakaran orang Melayu dalam teknologi termasuk juga seni bina, pembinaan rumah, pembinaan masjid dan lain-lain.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = 1:19:33 – 1:20:08

In shaa Allah, kita nak tanya dengan Professor Datuk Mohd Jamil memandangkan kita sudah pun sampai ke penghujung program. Mungkin professor boleh kupas sedikit kesimpulan ringkas tentang keagungan teknologi Melayu ini. Adakah professor berpendapat bahawa generasi hari ini mampu untuk mengembalikan kemajuan teknologi tersebut sekaligus menaikkan nama Melayu dipersada antarabangsa? Silakan, prof.

Prof Datuk Wira Dr Hj Mohd Jamil Mukmin (ahli panel) = 1:20:14 – 1:24:15

Mengenai kemampuan generasi baru dalam mengangkat semula keagungan ataupun kebesaran teknologi Melayu pada masa dulu, ianya perlu dipupuk. Maknanya generasi lama dan juga generasi baru boleh menulis semula seperti ahli-ahli panel yang berbincang pada malam ini juga boleh menulis semula perkara-perkara yang telah kita sebutkan tadi. Banyak yang mereka sebut dari segi perubatan dan lain-lain. Bukukan dan sebarkan kepada generasi muda. Disamping itu, di sekolah-sekolah dalam buku pelajaran mereka seperti buku sejarah, geografi dan lain-lain harus sebutkan juga sedikit sebanyak tentang keagungan kerajaan Melayu. Harus sentuh supaya generasi muda tahu bahawa ada teknologi Melayu yang begitu tinggi pada zaman dulu, terutama di Kedah, Jawa Majapahit, Melaka, Paser, Aceh dan juga di danau-danau lain. Apalagi di universiti-universiti jadi generasi muda ini dapat membaca dan dapat mengenal tentang teknologi Melayu ini. Kerana teknologi Melayu ini begitu tinggi dalam bidang perkapalan, persenjataan dan banyak lagi bidang lain. Saya sarankan yang pertama sekali ialah ditulis semula apa yang diperkatakan tadi dan juga dibukukan. Yang kedua, minta kepada kementerian pelajaran supaya memasukkan di dalam buku-buku sejarah itu tentang teknologi Melayu ini.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = 1:24:19 – 1:20:08

Terima kasih diucapkan kepada Professor Datuk Wira, seterusnya mungkin yang terakhir daripada ustaz Nasiruddin tentang tajuk kita pada malam ini Keagungan Teknologi Melayu : Mampukah Kita Bangkit Semula? Silakan Ustaz.

Ust Muhammad Nasiruddin Bin Mohd Sobri (ahli panel) = 1:24:36 – 1:28:42

Bismillahirrahmannirrahiim. Secara spesifik mengenai warisan ataupun teknologi perubatan Melayu. Dari segi perubatan Melayu ini, ianya salah satu khazanah Melayu yang sangat relevan untuk dibangunkan semula sebabnya dalam khazanah Melayu kita ada banyak cabang. Ada yang relevan dan ada yang macam kurang relevan untuk kita bangunkan semula tapi dalam bab soal kesihatan atau perubatan ini ia sangat sesuai tambah-tambah lagi dalam contoh keadaan wabak covid dan sebagainya ini. Dunia perlukan satu penyelesaian baharu dan kita tidak menafikan apa-apa kaedah yang sedia ada yang dibangunkan oleh pihak-pihak perubatan moden ataupun tradisional yang lain selain Melayu. Cuma hendak dikata dari sudut alam Melayu sendiri boleh menyumbangkan sesuatu. Potensi untuk mengembangkan khazanah kesihatan atau perubatan Melayu ini sebenarnya sangat tinggi kerana dari segi sumber rujukan atau pun sumber epistemologi untuk perubatan Melayu memang sangat jelas dan konkrit. Terdapat manuskrip-manuskrip yang dipanggil kitab tape membincangkan dan ditulis secara jelas mengenai kaedah-kaedah perubatan, penyakit, herba, rawatan dan sebagainya. Jadi sudut rujukan itu memang ada sumber yang kukuh. Kemudian dari segi kajian kita boleh buat kajian dan sudah ada kaedah kajian yang dibangunkan oleh pihak

perubatan moden yang dikaji ubat-ubatan jadi kaedah ini boleh digunakan untuk mengkaji herba dan memang benda ini berlaku setiap hari bukan saja di Malaysia, diseluruh dunia ada saintis yang mengkaji herba dan khasiat dia. Kemudian dari segi keperluan ataupun kita kata demand kesihatan itu sangat tinggi sebab dalam kesihatan ini tidak akan pernah pupus selagi mana manusia ada. Jadi permintaan terhadap khidmat kesihatan sama ada yang moden atau tradisional akan sentiasa ada, jadi sangat relevan untuk dibangunkan dan kalau kita tengok dari segi proses untuk membangunkan itu sebenarnya dah bertahun-tahun memang ada individu dan juga organisasi yang sudah merancang, menyusun, mengkaji untuk membangunkan ilmu ini. Bahkan saya sendiri terlibat dalam beberapa usaha untuk membangunkan balik perubatan Melayu dan antara usaha yang penting dan yang paling signifikan buat masa ini ialah proses membangunkan silibus perubatan Melayu diperingkat institusi pengajian tinggi. Alhamdulillah, kami sudah ada satu team yang terdiri daripada pakar-pakar perubatan Melayu dan pakar-pakar perubatan moden, kita sama-sama susun silibus perubatan Melayu di peringkat universiti. Usaha ini bukan underground, bukan juga backdoor tapi memang boleh dibawa ke mainstream arus perdana dan boleh dipakai diperingkat negara dan juga dunia. In shaa Allah. Jadi dari sudut kesihatan, kita nampak potensi yang sangat besar jadi diharapkan NGO-NGO atau individu-individu yang ada kuasa atau pengaruh serta kemampuan untuk bawa ini ke depan, sama-sama kita bawa benda ini kedepan. In shaa Allah. Wallahualam.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = 1:24:19 – 1:20:08

Perbincangan Rakyat Demi Melayu mengucapkan terima kasih kepada Professor Datuk Wira Dr Haji Mohd Jamil, Ustaz Mohd Nasiruddin Mohd Sobri dan juga Ustaz Hasanuddin Yusof atas perbincangan kita pada malam ini tentang Keagungan Teknologi Melayu : Mampukah Kita Bangkit Semula? Jadi kepada penonton perbincangan rakyat demi melayu, in shaa Allah kita akan berjumpa sekali lagi pada minggu hadapan pada waktu sama pada hari jumaat 9:00 malam dan dengan itu terus kekal bersama kami. Assalamualaikum.